

ANTIBIOGIK

Antibiotik ialah bahan-bahan yang dihasilkan oleh bakteria atau bahan-bahan yang disintesis secara kimia, yang boleh membunuh atau mencegah pembiakan bakteria lain walaupun dalam kepekatan yang rendah.

Antibiotik boleh dibahagikan kepada:

- i) Antibiotik berkuasa luas (broad spectrum) berkesan terhadap banyak jenis organisma, contohnya tetracycline, Chloromphenicol.
- ii) Antibiotik berkuasa terhad (Narrow spectrum) Berkesan terhadap sebilangan kecil bakteria sahaja. Kuasanya lebih memilih. Contohnya Penicilin dan Erythromycin.

Antibiotik yang unggul mempunyai ciri-ciri berikut:

- a) Berkesan bila dimakan
- b) Kurang kesan-kesan sampingan yang tidak diinginkan
- c) Murah dan stabil
- d) Antibiotik yang membunuh bakteria adalah lebih berkesan daripada yang hanya mencegah pembiakan bakteria.
- e) Tidak mendatangkan ketahanan (bacterial resistance)

Salah-guna Antibiotik

Di antara amalan-amalan salah-guna antibiotik termasuklah:

- a) Menggunakan antibiotik untuk merawat jangkitan bukan disebabkan oleh bakteria.
- b) Menggunakan antibiotik dalam dos dan jangka masa yang salah.
- c) Sekiranya kesan-kesan sampingan yang tidak diinginkan akibat penggunaan antibiotik timbul dan boleh membahayakan pesakit tanpa mendatangkan faedah yang banyak.
- d) Pengubatan sendiri (self-medication) iaitu menggunakan antibiotik dengan tidak mendapat nasihat dari pakar atau doktor.